

1982

PASIR GUDANG, 23 NOV. (BERNAMA) - DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGARAHKAN KEMENTERIAN PERUSAHAAN AWAM UNTUK MENKRAJI MASALAH KURANGNYA SOKONGAN DARI TUANPUNYA-TUANPUNYA KAPAL TEMPATAN TERHADAP LIMBONGAN-LIMBONGAN KAPAL TEMPATAN.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA LIMBONGAN KAPAL TEMPATAN, KHUSUSNYA SYARIKAT MALAYSIA SHIPYARD AND ENGINEERING (MSE), HENDAKLAH MENJALANKAN KAJIAN KENAPA CUMA TUANPUNYA KAPAL TEMPATAN AGAK KEBERATAN MENGHANTAR KAPAL-KAPAL MEREKA UNTUK DIBAIKI ATAU DIBINA DI DALAM NEGERI.

MSE HENDAKLAH MENJALANKAN KAJIAN ITU SENDIRI BAGI MENENTUKAN SEBAB-SEBAB KENAPA TUANPUNYA KAPAL TEMPATAN MENGHANTAR KAPAL-KAPAL MEREKA KE LUAR NEGERI UNTUK DIPERBAIKI DAN TIDAK KEPADANYA, KATANYA DI SATU SIDANG AKHBAR DI SINI.

TURUT HADIR IALAH MENTERI PERUSAHAAN AWAM DATIN RADUKA RAFIDAH AZIZ.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN INGIN MELIHAT MASALAH-MASALAH SEUMPAMA ITU YANG DIHADAPI OLEH LIMBONGAN-LIMBONGAN KAPAL TEMPATAN, TERUTAMANYA MSE DI MANA PENYERTAAN KERAJAAN DALAM PROJEK ITU IALAH 78 PERATUS, DISELESAIKAN SEGERA.

-- LAGI 1930/LK

MAHATHIR-LIMBONGAN 2 PASIR GUDANG

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, "ADALAH TERLALU SUKAR BAGI SAYA UNTUK MEMUTUSKAN SIAPA YANG BENAR DAN SIAPA YANG BERSALAH, JADI DENGAN ITU SAYA MEMINTA MENTERI BERKENAAN UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH ITU."

BELIAU BERPENDAPAT MUNGKIN LIMBONGAN-LIMBONGAN KAPAL ASING MENAWARKAN HARGA YANG LEBIH RENDAH ATAU MUNGKIN PARA TUANPUNYA ITU MENDAPATI PERKHIDMATAN DI MSE TIDAK BEGITU MEMUASKAN.

MENGENAI PERANAN KERAJAAN, IA TELAH MEMBERI KEMUDAHAN-KEMUDAHAN BEBAS CUKAI DAN LAIN-LAIN GALAKAN KEPADA MSE BAGI MEMBOLEHKAN LIMBONGAN BERUSIA LIMA TAHUN ITU SUPAYA IA LEBIH BERSAINGAN DALAM INDUSTRI MEMBINA KAPAL.

MENGENAI PRESTASI LIMBONGAN ITU, PERDANA MENTERI MENDAPATI BAHAWA LIMBONGAN TERSEBUT MENCAPAI PRESTASI YANG BAIK DAN TELAH MENDAPAT KEYAKINAN KALANGAN PASARAN ANTARABANGSA, DENGAN MENGAMBIL MAKLUM BAHAWA SEBUAH KAPALTANGKI LNG NORWAY KINI SEDANG DIBAIKI DI LIMBONGAN TERSEBUT.

MENGENAI SOAL MENEMPATKAN TEKNOKRAT-TEKNOKRAT KERAJAAN DI MSE BAGI MENJAMIN KELEKAPAN YANG LEBIH, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PENEMPATAN TEKNOKRAT-TEKNOKRAT KERAJAAN DI MSE TIDAK TENTU AKAN MENJAMIN DEMKIAN.

TAMBAHNYA MSE HENDAKLAH Mencari CARANYA SENDIRI UNTUK MENGATASI MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPINYA.

-- LAGI 1934/LK

ZCZC B6931

MAHATHIR-LIMBONGAN 3 PASIR GUDANG

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA LIMBONGAN ITU HENDAKLAH BEBAS UNTUK "MENGAMBIL DAN MEMBUANG" ORANG DAN DIBENARKAN BERJALAN SEPERTI SEBUAH SYARIKAT PERDAGANGAN.

BILA DITANYA BAMA ADA KERAJAAN AKAN MENJAMIN YANG HUTANG PIUTANG OLEH JABATAN-JABATAN KERAJAAN KEPADA MSE KERANA MENGGUNA PERKHIDMATAN SUPAYA DISEGERAKAN DI MASA DEPAN, PERDANA MENTERI BERKATA JABATAN-JABATAN KERAJAAN MENANG LAHAT UNTUK MENYELESAIKAN HUTANG PIUTANG MEREKA.

"JIKA ANDA BERSEDIA BERURUSNIAGA DENGAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN, MAKA ANDA TERPAKSALAH MENEMERINA HAKIKAT INI," TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR SEBELUM INI TELAH DIBERI TAKLIMAT TERTUTUP SELAMA SATU JAM OLEH PENGURUS DESAR BERSAMA MSE ENCIK MOHAMED TAIB IBRAHIM DI BILIK PERSIDANGANNYA SEBELUM DIGAWA MENINJAU KE BERBAGAI-BAGAI BAHAGIAN LIMBONGAN ITU.

INILAH LAWATAN PERDANA MENTERI YANG PERTAMA KE LIMBONGAN TERSEBUT SEJAK LIMBONGAN ITU DITUBUHKAN PADA TAHUN 1977.

SEMENTARA ITU, DATIN PADUKA RAFIDAN MENGERITAHU BERNAMA SELIAU AKAN MENGADAKAN PERTEMUAN DENGAN TUANPUNYA-TUANPUNYA KAPAL TEMPATAN, TERUTAMANYA DENGAN WAKIL-WAKIL PERBADANAN PERKAPALAN ANTARABANGSA MALAYSIA (MISC), DI KUALA LUMPUR PADA 6 DISEMBER INI UNTUK MEMBINCANG PERKARA ITU.

-- BERNAMA 2008/LK